

HARAPAN HOKI REMAJA MALAYSIA: DARI KAMPUNG KE PENTAS DUNIA

LEGASI TNB THUNDERBOLTS

Oleh Syazwan Msar
mohdsyazwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bagi ribuan anak muda dari seluruh negara, padang hoki bukan sekadar tempat bermain namun ia adalah medan harapan untuk mengubah nasib hidup.

Dalam dunia yang makin mencabar, tidak ramai remaja mampu membina masa depan melalui sukan. Namun, sejak 2006, program pembangunan hoki TNB Thunderbolts menjadi sinar yang menyuluh jalan keluar dari kesempitan bagi remaja serba kekurangan.

Bukan sekadar melatih atlet, Thunderbolts membentuk insan. Dari tapak kaki yang tak pernah cecah padang sintetik, kini ada yang berdiri gagah di pentas kebangsaan dengan semuanya bermula dengan satu impian.

Lebih 1,100 pelajar sekolah menyertai program ini setiap tahun, tetapi hanya kira-kira 120 pemain dipilih ke fasa pembangunan intensif. Pemilihan itu bukan berdasarkan siapa yang hebat, tapi siapa yang sanggup bekerja keras.

Anak kampung yang dahulu berlari tanpa kasut di jalan tanah merah, kini dilengkapi pakaian sukan penuh, makan cukup zat, akademik dipantau dan kehidupan dijaga sekali gus menyaksikan TNB Thunderbolts mencipta bezanya.

Banyak yang datang dari keluarga B40, dari desa jauh namun semangat mereka membelah sempadan geografi dan ekonomi kerana TNB Thunderbolts buka pintu kepada semua.

Latihan demi latihan, mereka bangun seawal subuh, bergilir bas ke padang, belajar selepas penat bersukan, dan pulang lewat malam.

Pada Liga Hoki Dalam Dewan Malaysia 2025, TNB Thunderbolts membuktikan keberkesanan sistem ini apabila bangkit daripada ketinggalan 0-3 sebelum menundukkan Maybank menerusi penentuan penalti. Ironinya, barisan itu adalah produk remaja TNB Thunderbolts.

Setiap jaringan dan te-



JIKA Malaysia mahu kembali menyinar di gelanggang dunia seperti era 70-an, TNB Thunderbolts adalah tapak permulaan namun bukan dengan kemewahan, tetapi semangat dan kasih sayang.



SEJAK 2006, program pembangunan hoki TNB Thunderbolts menjadi sinar yang menyuluh jalan keluar dari kesempitan bagi remaja serba kekurangan.



riakan kemenangan itu semua hasil air mata, pengorbanan dan kepercayaan. Di sebalik jersi yang mereka pakai, ada cerita perjuangan yang panjang dan menyentuh hati.

Program ini tidak tamat di peringkat sekolah ke-

rana pemain dibimbing sehingga ke peringkat senior, malah ramai yang kini mewakili pasukan kebangsaan sekali gus membuktikan bahawa laluan yang dibina ini tidak sia-sia.

Tahun lalu, Kejohanan

Hoki 6 dan 7 Sebelah TNB Thunderbolts menghimpunkan lebih 1,200 remaja dari 121 pasukan seluruh negara di Padang Kilat TNB, Kuala Lumpur.

Bagi jurulatih Thunderbolts, tugas mereka bukan semata-mata mengajar *push and drag*. Mereka adalah ibu dan ayah kedua, penjaga yang memastikan anak-anak ini tidak tersasar haluan hidup.

Setiap pemain dipantau rapi merangkumi aspek pemakanan, latihan, akhlak hingga pelajaran. Mereka diajar mengimbangi antara sukan dan akademik supaya tidak hanya jadi jaguh di padang, tapi juga manusia berjaya di luar.



Pelantikan legenda hoki, Nor Saiful Zaini, sebagai Ketua Jurulatih Pasukan Junior Kebangsaan baru-baru ini mengukuhkan lagi hubungan TNB Thunderbolts dengan skuad negara.

Kerjasama erat antara TNB, Kementerian Pendidikan, sekolah dan Konfederasi Hoki Malaysia mewujudkan sistem sokongan yang menyeluruh dan inilah resipi kejayaan sebenar.

Mereka bukan sekadar melahirkan pemain, tetapi membentuk pemimpin. Anak muda ini diajar menghormati, bekerjasama, berfikir jauh dan mencorak masa depan dengan jati diri.

Jika Malaysia mahu kembali menyinar di gelanggang dunia seperti era 70-an, TNB Thunderbolts adalah tapak permulaan namun

bukan dengan kemewahan, tetapi semangat dan kasih sayang.

Apa yang bermula sebagai program tanggungjawab sosial kini sudah berkembang menjadi legasi pembangunan sukan negara.

Mungkin satu hari nanti, seorang pemain hasil daripada program TNB

Thunderbolts berdiri mengenggam emas di Olimpik.

